

22 JUN, 2020

Tiga kes positif Covid-19 baharu

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Tiga kes positif Covid-19 baharu

..... ALEXANDRA LORNA

KUCHING: Tiga lagi kes positif Covid-19 dilaporkan di negeri ini, semalam.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) berkata, semua kes baharu ini dilaporkan di Daerah Bintulu.

"Jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 di Sarawak setakat hari ini sebanyak 569 kes," katanya dalam laporan harian Covid-29 di Sarawak.

Beliau mengatakan kes ke-567 dan 568 adalah penambahan kepada jumlah kes baharu tiba di Malaysia

Bintulu yang merupakan ahli keluarga dan kontak rapat kepada kes 566 iaitu isteri dan anak kepada kes tersebut.

"Ini menjadikan jumlah kes Kluster Kidurong setakat hari ini (semalam) adalah seramai lapan orang," jelasnya.

Beliau berkata, bagi kes ke-569 pula adalah seorang lelaki berumur 29 tahun yang mempunyai sejarah bekerja di Mexico sejak Februari lalu.

"Pada 9 Jun lalu, kes telah tiba ke Bintulu dan diantar ke Parkcity Everly Hotel untuk menyambung kuarantin. Sampel diam-

bil pada 10 Jun lalu. "Ujian RTK antigen yang diambil di KLIA adalah negatif dan kes dikuarantin di Tune Hotel.

"Pada 14 Jun, beliau

telah tiba ke Bintulu dan diantar ke Parkcity Everly Hotel untuk menyambung kuarantin. Sampel diam-

bil pada 20 Jun lalu dan didapati positif Covid-19 melalui ujian PCR," kata beliau.

Beliau menambah, tiada kes baharu yang telah sembah dan discaj dari hospital semalam.

"Jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 yang telah sembah dan discaj ke hospital

pada 10 Jun lalu. 535 orang atau 94.02 peratus.

"Sebanyak 17 orang masih menerima rawatan di dalam wad isolasi hospital. Manakala, jumlah kematian kekal sebanyak 17 orang.

"Sebanyak 18 individu yang disyaki (PUI) bahru dilaporkan dan empat kes masih menunggu ujian makmal," katanya.

Bagi pematuhan terhadap Perintah Kawalan Pergerakan Pemuliharan (PKPP), sehingga kini sebanyak 2,059 premis telah dipantau iaitu pasar raya (351), restoran (422), kilang (23), bank (146), pejabat kerajaan (66), penjaja (22),



pasar tani/awam (107), tempat ibadah (107), tempat ria-

dah (53), tapak pembinaan (34) dan lain-lain (728).



22 JUN, 2020

Tiga kes positif Covid-19 baharu

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Tiga lagi kes positif Covid-19 dilaporkan di negeri ini, semalam. Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) berkata, semua kes baharu ini dilaporkan di Daerah Bintulu."Jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 di Sarawak setakat hari ini sebanyak 569 kes," katanya dalam laporan harian Covid-29 di Sarawak.Beliau mengatakan kes ke-567 dan 568 adalah penambahan kepada jumlah kes Kluster Kidurong,

Bintulu yang merupakan ahli keluarga dan kontak rapat kepada kes 566 iaitu isteri dan anak kepada kes tersebut.